

sebagai seorang Muslim yang sebenarnya, dan mereka itu tidak mahu mengingat Allah melainkan dalam masa yang sedikit sahaja.

Ayat yang kelima belas:

Firman Allah di dalam sūrat al-Tawbah ayat (54): *“Wa māna‘ahum an tuqbala minhum nafaqāuhum illā annahum kafarū billāhi wa bi rasūlihi wa lā ya‘tūna al-ṣalāta illā wa hum kusālā wa lā yunfiqūna illā wa hum kārihūn.”* Ertinya: (Dan tidak

ada yang menegah (menghalangi) akan diterima derma-derma daripada mereka itu – orang munafik – melainkan kerana mereka itu tidak percaya kepada Allah dan rasul-Nya, dan mereka itu tidak mengerjakan sembahyang melainkan dengan malas, dan mereka itu tidak mendermakan – harta benda mereka – melainkan kerana mereka terpaksa).

Keterangan:

Di dalam ayat yang kelima belas ini mengandungi keterangan tentang sebahagian di antara kelakuan orang-orang munafik juga. Mereka itu antara lain tidak mahu mengerjakan sembahyang melainkan dengan malas, dan mereka tidak mendermakan harta benda mereka semata-mata untuk kepentingan kaum Muslimin melainkan dengan cara terpaksa oleh kerana derma-derma yang mereka berikan kepada kaum Muslimin itu dengan cara terpaksa, maka Allah tidak akan memberikan apa-apa balasan pahala terhadap mereka. Kerana orang-orang munafik itu pada hakikatnya tidak beriman kepada Allah dan rasul-Nya dengan sebenar-benar iman. Mereka hanya berpura-pura menunjukkan diri sebagai orang-orang yang beriman.

Cabutan

Marilah kita bersama-sama kembali

kepada al-Qur’ān, kembali kepada ajaran Allah dan rasul-Nya bukan dengan sebutan dan akuan sahaja tetapi dengan pengertian dan kesedaran yang sesaat pun tidak luput dari jiwa kita – seru Syed Nasir bin Ismail, Pengerusi Peraduan Qur’an Malaysia.

*

Ajaran al-Qur’ān bukanlah perhiasan untuk dimegahkan tetapi ialah pakaian yang mesti selalu melekat di badan – Syed Nasir.

*

Islam di dunia ini memerlukan perpaduan, persahabatan dan persaudaraan bagi mewujudkan satu barisan Islam yang kukuh di dunia ini – Syed Nasir.

*

Sesungguhnya al-Qur’ān ini memimpin kepada (jalan) yang lurus dan mengkhabarkan kepada Mukminin yang beramal soleh, bahawa bagi mereka ada ganjaran

Lima belas buah ayat-ayat al-Quran yang telah dibentangkan di atas serta dengan ulasan ringkasnya itu adalah di antara beratus-ratus ayat al-Qur’ān yang mengandungi kalimah “*al-ṣalāh*”⁵ atau sembahyang. Dan dengan keterangan-keterangan yang tersebut kiranya memadallah buat menunjukkan bahawa kewajipan sembahyang yang diperintahkan oleh Islam itu adalah mengandungi berbagai-bagai macam kepentingan bagi setiap orang yang

yang besar – maksud al-Qur’ān.

*

Umat Islam janganlah mempunyai pandangan sempit terhadap agama lain kerana semua agama sekarang ini menghadapi ancaman dari puak yang tidak beragama – Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

*

Berbaik-baik antara agama adalah satu jalan yang sihat bagi kita menentang musuh dan mempertahankan agama Islam yang suci ini – Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

*

Janganlah Mukminin mengambil *kāfirīn* sebagai sahabat lebih daripada Mukminin – maksud al-Qur’ān.

*

Setiap kalimah yang diucapkan oleh seseorang itu akan dikira buruk baiknya dengan perincian ataupun dibiarkan berlalu begitu sahaja melainkan perkataan yang diucapkan oleh *al-Nabī al-ma’ṣūm* adalah diselidiki dan diamalkan oleh setiap orang yang beriman dengannya – *al-Shahīd al-Shaykh Hassan al-Banna*.

mengerjakannya, dan juga bahaya besar bagi tiap-tiap orang yang meninggalkannya.

Di dalam keluaran akan datang diterangkan pula tentang kedudukan sembahyang lima waktu di dalam Islam dan permulaan diwajibkan ke atas umat Islam disertai dengan dalil-dalil hadith Nabi yang sahih dan muktabar di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

(Bersambung)

⁵ Perkataan sebenarnya adalah *al-ṣalāh*.